



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Simpulan bahasa Cina: Satu kajian Semantik Kognitif

Lau Bick Ling

(70129)

Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

2022

SIMPULAN BAHASA CINA: SATU KAJIAN SEMANTIK KOGNITIF

Lau Bick Ling

(70129)

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk

Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2022

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan(✓)
Projek Tahun Akhir
Sarjana
PhD

✓

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada 6 hari Jun 2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya Lau Bick Ling, 70129, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Simpulan bahasa Cina: Satu kajian Semantik Kognitif adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

6 Jun 2022

Tarikh serahan



Lau Bick Ling (70129)

Pengesahan Penyelia:

Saya Dr. Hamidah Abdul Wahab dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Simpulan bahasa Cina: Satu kajian Semantik Kognitif telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan Kepujian, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: _____

Tarikh: _____

Dr. Hamidah Abdul Wahab

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)) :

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar



(6 Jun 2022)

Tandatangan Penyelia

()

Alamat semasa pelajar
Lorong 18, C4, Jalan Wong King Huo, Sibul, Sarawak, Malaysia.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji simpulan bahasa Cina dalam kalangan masyarakat Cina. Objektif dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti makna simpulan bahasa Cina yang digunakan oleh masyarakat Cina. Kajian ini juga menjelaskan simpulan bahasa Cina melalui pendekatan semantik kognitif. Kajian dari perspektif semantik kognitif ini menggunakan kerangka teori Lakoff (1987). Mekanisme kognitif dimanfaatkan dalam analisis data seperti skema imej. Data simpulan bahasa Cina dikumpul menerusi kajian lapangan melibatkan kaedah temu bual, rakaman dan catatan. Informan yang terlibat dalam kajian ini ialah penutur Cina di kawasan Sibul, Sarawak. Hasil analisis data mendapati bahawa simpulan bahasa Cina dalam kalangan masyarakat Cina, khususnya untuk memperkatakan mengenai motivasi didasari oleh skema imej atas-bawah, skema imej sumber-laluan-matlamat dan skema imej hadapan-belakang. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa budaya masyarakat Cina, iaitu simpulan bahasa Cina amat penting untuk diwariskan. Pengaruh ini dapat dilihat menerusi penggunaan simpulan bahasa sebagai bahasa kiasan yang bertujuan untuk mendidik anak-anak dan berinteraksi dengan orang lain. Sebagai sebuah kajian linguistik, kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada pembaca dan penyelidik mengenai simpulan bahasa Cina yang berkaitan dengan motivasi, khususnya dalam bidang semantik kognitif.

Kata kunci: Simpulan bahasa Cina, motivasi, semantik kognitif, skema imej, masyarakat Cina

ABSTRACT

This investigation paper is to study Chinese idioms in the Chinese community. The objective of this study is to identify the meanings of Chinese idioms used by the Chinese community. This study also clarifies Chinese idioms through a cognitive semantic approach. This study from a cognitive semantic perspective uses the theoretical framework of Lakoff (1987). Cognitive mechanisms are utilised in data analysis such as image schemas. A field study involving interviews, recordings, and note-taking methods was used to collect data on Chinese idioms. The informants involved in this study were Chinese speakers in Sibuluan, Sarawak. The results of data analysis found that Chinese idioms in Chinese society, especially when talking about motivation are based on top-bottom image scheme, source-path-goal image scheme, and front-back image scheme. Overall, this study shows that the culture of the Chinese community. The Chinese idiom is very important to inherit. This influence can be seen in the use of idioms, which are figurative language aimed to educate children and communicate with others. As a linguistic study, this study is hoped to be a reference for readers and researchers on Chinese idioms related to motivation, particularly in the field of cognitive semantics.

Keywords: *Chinese idiom, motivate, cognitive semantics, image schema, Chinese community*

PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya, dengan memberi dorongan yang kuat kepada saya agar saya dapat menjayakan projek tahun akhir ini. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Dr. Hamidah Abdul Wahab sebagai penyelia saya. Saya berasa sangat bersyukur kerana beliau telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan projek tahun akhir. Beliau mempunyai kesabaran tinggi dan semangat kuat. Hal ini menjadikan satu semangat kepada saya untuk menyiapkan projek tahun akhir saya walaupun terdapat pelbagai masalah daripada pihak saya.

Saya juga tidak lupa akan Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi di Universiti Malaysia Sarawak. Para pensyarah juga turut sedikit sebanyak memberi bantuan dalam projek tahun akhir saya. Mereka telah memberikan pendapat untuk menambahbaikkan kajian saya semasa pembentangan cadangan kajian.

Selain itu, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu untuk bersama-sama memupuk motivasi dan memberi pandangan kepada saya. Hal ini membantu saya mempunyai sikap teguh untuk menyiapkan projek akhir tahun saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Nur Afifah Atirah binti Saperi, Zizianie Elvy Anak Apan, Poh Jing Ting dan Adriana binti Dris.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada bapa saya yang telah menyumbang masa dan tenaga kepada saya. Sepanjang tempoh saya laksanakan projek tahun akhir, bapa saya juga memberi idea untuk membantu saya menyelesaikan pelbagai masalah yang saya hadapi. Penghargaan saya juga ditujukan kepada informan-informan yang telah menyertai projek akhir tahun saya. Akhir sekali, saya mengucapkan lagi atas ribuan terima kasih kepada semua pihak yang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

KADUNGAN

	Halaman
PERISYTIHARAN KEASLIAN HASIL KERJA	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	4
1.5 Definisi Operasi Istilah	4
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Rumusan	8
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Kajian Simpulan Bahasa dan Peribahasa Cina	9
2.3 Kajian Simpulan Bahasa dan Peribahasa dengan Pendekatan Semantik Kognitif (Skema Imej)	20
2.4 Ulasan Kritis Kajian Lepas	23
2.5 Rumusan	27
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	28
3.3 Informan	29
3.4 Instrumen Kajian	29
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	32
3.6 Kaedah Penganalisan Data	33
3.7 Kerangka Teoretikal	34
3.8 Batasan Kajian	36
3.9 Rumusan	36
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pendahuluan	37
4.2 Makna Simpulan Bahasa Cina yang Berkait dengan Motivasi	37
4.3 Skema Imej Simpulan Bahasa Cina yang Berkait dengan Motivasi	39
4.3.1 Skema Imej Atas-Bawah	39
4.3.2 Skema Imej Sumber-Laluan-Matlamat	52
4.3.3 Skema Imej Hadapan-Belakang	59
4.4 Perbincangan	61

4.5	Rumusan	63
5 KESIMPULAN		
5.1	Pendahuluan	65
5.2	Rumusan Dapatan	65
5.3	Implikasi Kajian	66
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	68
5.5	Rumusan	68
RUJUKAN		69
LAMPIRAN		
1	Surat Pengesahan untuk Menjalankan Temu Bual terhadap Kajian ini	79
2	Soalan Temu Bual	80

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.4 Instrumen Kajian	30
3.6 Kaedah Penganalisan Data	33
4.2 Makna Simpulan Bahasa Cina yang Berkait dengan Motivasi	37

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
3.7 Kerangka Teoretikal	35
4.3 Skema Imej Simpulan Bahasa Cina yang Berkait dengan Motivasi	40

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan, dan objektif kajian, definisi operasi istilah serta kepetingan kajian.

1.2 Latar Belakang

Wijaya (2021) menyatakan bahawa bahasa kiasan dipandang sebagai suatu syarat yang harus ada dalam karya sastera dan juga disebut sebagai gaya bahasa. Yogie dan Syahril (2021) pula menyatakan bahawa gaya bahasa kiasan ialah satu penyimpangan yang lebih jauh, khususnya dalam bidang makna. Jenis-jenis bahasa kiasan ialah kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan permanusiaan, dan kiasan berkacau. Goh dan Boh (2020) menyatakan bahawa “Idiom merupakan ekstrak kebijaksanaan orang dahulu kala dalam penggunaan harian”. Simpulan bahasa dalam bahasa Mandarin dikenali sebagai *chengyu* 成語 (Tay, 2016). Simpulan bahasa merupakan kosa kata yang tertentu untuk menunjukkan sesuatu maksud lain daripada ertinya dan amat popular dalam golongan peribahasa (Sarudin, 2012). Simpulan bahasa merupakan satu ungkapan tetap yang mengandungi unsur-unsur budaya yang sering menjadi kesukaran kepada penterjemahan (Khoo, 2018). Antara simpulan bahasa yang digunakan oleh masyarakat Cina termasuklah 勃然奋励 (*bó rán fèn lì*) dalam terjemahan Melayu ialah beria-ia meningkatkan motivasi, iaitu bermakna “memerihalkan seseorang yang bersemangat untuk memberangsangkan diri”. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji simpulan bahasa Cina berdasarkan pendekatan bidang semantik kognitif.

1.3 Permasalahan Kajian

Simpulan Bahasa Cina pada dasarnya telah dikaji oleh beberapa orang pengkaji lain. Veronica dan Chandra (2020) misalnya mengkaji simpulan bahasa yang mempunyai unsur alam melalui buku cerita yang menggunakan simpulan bahasa Cina. Tay (2016) pula mengkaji simpulan bahasa yang mempunyai unsur warna, manakala Thamrin dan Suhardi (2020) mengkaji simpulan bahasa Cina yang mempunyai unsur tumbuhan. Kajian Liu (2019) serta Lyu dan Li (2020) pula berfokus kepada simpulan bahasa berkaitan haiwan secara umum, sebaliknya Wu dan Zhao (2018) mengkhusus kepada simpulan bahasa berkaitan anjing. Di (2021) menyelidiki simpulan bahasa yang berkait dengan bahagian tubuh badan manusia, sementara Lidong et al. (2019) mengkaji kajian bandingan simpulan bahasa Indonesia dan idiom Bahasa Mandarin yang berasaskan nama *shio*. Dong dan Tan (2021) mengkaji simpulan bahasa Cina dengan pendekatan THULAC, manakala Li dan Hew (2017) menjalankan eksperimen untuk mengenal pasti minat pelajar bukan orang asli dalam mempelajari simpulan bahasa Cina menggunakan *Multimedia Storytelling Prototype* (MSP). Kajian Deng (2020) membuat perbandingan simpulan bahasa antara bahasa Inggeris dan Cina dari segi perbezaan dan persamaan serta kaedah terjemahan Bahasa Inggeris dan Cina.

Dari sudut aplikasi pendekatan semantik kognitif dalam menganalisis data simpulan bahasa dan peribahasa, terdapat beberapa kajian lepas seperti kajian Salit et al. (2018), Rachmawati (2019) dan Mandić (2020) yang mengkaji unsur feminisme, unsur tubuh badan manusia dan tangan dalam bahasa lain. Kajian Atia dan Gharab (2020) berfokus kepada kajian peribahasa Inggeris menggunakan mekanisme skema imej yang dikemukakan oleh Johnson dalam pendekatan semantik kognitif. Kajian Ries (2020) pula berfokus kepada simpulan bahasa yang berkait dengan aspek motivasi dalam pendekatan semantik kognitif, termasuklah mekanisme skema imej. Skema imej bekas dan skema imej objek digunakan

dalam kebanyakan kajian lepas, manakala skema lain kekurangan digunakan dalam kajian lepas seperti skema imej laluan, skema imej depan-belakang, skema imej menegak, dan sebagainya.

Goh dan Boh (2014) menyatakan bahawa penerokaan makna sebenar *chengyu* yang tersirat dalam ungkapan tetap merupakan satu cabaran. Hal ini dikatakan demikian kerana para remaja jarang menggunakan peribahasa dan simpulan bahasa serta kurang menyedari kewujudannya, maka semakin banyak masyarakat Cina kurang mengutamakan simpulan bahasa (Tay, 2016). Menurut Tay (2016), kekurangan penggunaan simpulan bahasa menyebabkan simpulan bahasa semakin terpinggir. Hal ini juga disebabkan penggunaannya amat kurang dalam komunikasi harian. Simpulan bahasa Cina mempunyai makna yang berlapis dan sukar menentukan maknanya berdasarkan permukaan perkataan (Chong, 2014). Oleh itu, pengkaji mendapati kekurangan kajian lepas yang mengkaji bentuk atau makna simpulan bahasa Cina. Dengan itu, pembaca kurang memahami bentuk dan makna simpulan bahasa Cina. Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan ini dapat menjelaskan makna dan tujuan simpulan bahasa Cina yang digunakan oleh masyarakat Cina dengan jelas berdasarkan analisis data dalam bidang semantik kognitif. Pendekatan semantik kognitif dapat membantu pembaca memahami bahawa kehidupan manusia memiliki hubungan yang erat dengan simpulan bahasa Cina yang dituturkan. Analisis skema imej dapat menjelaskan kepada pembaca bahawa mekanisme ini merupakan satu skema pengetahuan yang menyusun atur pengalaman hidup manusia. Oleh itu, kajian ini meneliti simpulan bahasa Cina yang berkaitan tentang motivasi dalam masyarakat Cina dari sudut semantik kognitif, menerusi penerapan mekanisme skema imej saranan Lakoff (1987).

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji simpulan bahasa Cina dalam kalangan masyarakat Cina. Objektif dalam kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti makna simpulan bahasa Cina yang berkait dengan motivasi dalam kalangan masyarakat Cina.
2. Menjelaskan simpulan bahasa Cina melalui pendekatan semantik kognitif dengan menggunakan mekanisme skema imej yang dipelopori oleh Lakoff (1987).

1.5 Definisi Operasi Istilah

1.5.1 Simpulan bahasa

Simpulan bahasa merupakan golongan peribahasa. Peribahasa Cina merupakan budaya bahasa masyarakat Cina. Peribahasa merupakan bentuk sastra atau kesenian dalam kalangan masyarakat Cina. Peribahasa Cina juga dikenali *shoyu* (熟语). *Shoyu* dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu *yan yu* (谚语), *xie hou yu* (歇后语) dan *cheng yu* (成语). Simpulan bahasa dalam bahasa Mandarin merupakan *cheng yu* (成语) (Tay, 2016). Simpulan bahasa Cina kebiasaannya terdiri daripada empat patah perkataan yang berstruktur ringkas dan berbentuk tetap (Tay, 2016). Menurut Goh dan Boh (2020), simpulan bahasa merupakan satu golongan Perkataan atau ungkapan tetap dalam kosa kata Cina. Dalam kajian ini, simpulan bahasa Cina secara operasi boleh didefinisikan sebagai bentuk bahasa yang merakam atau terkandung di dalamnya pengalaman dan pengetahuan yang diketahui oleh masyarakat Cina untuk penggunaan dalam kehidupan seharian.

1.5.2 Masyarakat Cina

Lee (2009) menyatakan bahawa hubungan antara alam Melayu dengan alam China telah bermula sejak abad ke-4. Dari sudut sejarah, orang Cina datang ke tanah Melayu untuk berniaga dan mempelajari agama. Perkara ini membuktikan bahawa masyarakat Cina hidup bersama dan mengamalkan kehidupan seperti orang Melayu setempat, kecuali dari segi agama dan kepercayaan. Menurut Goh dan Boh (2020), susastera klasik China sudah mula tersebar ke tanah Melayu dan Singapura sejak dua abad yang lalu. Hal ini telah menunjukkan perkembangan kebudayaan tradisional China ke tanah Melayu. Hamendi et al. (2014) menyatakan bahawa perkembangan bahasa Cina semakin ketara di tanah Melayu, khususnya dalam bidang perniagaan, industri dan pendidikan. Kajian ini berfokus masyarakat Cina, melibatkan penutur lelaki dan perempuan yang berumur 40 tahun ke atas yang menetap di Sibul.

1.5.3 Semantik Kognitif

Semantik kognitif telah diperkenalkan oleh George Lakoff pada tahun 1987. Semantik kognitif merupakan satu bidang bertunjangkan pengalaman yang terdiri daripada pengalaman lampau dan alam sekeliling serta pengkategorian dan penterjemahan realiti menerusi bahasa yang berpandukan kognisi (Lakoff, 1987). Struktur konseptual yang disebut sebagai *Idealized Cognitive Models* (ICM) dibahagikan kepada lima jenis mekanisme, iaitu skema imej, metafora, metonimi, proposisi, dan simbolik (Lakoff, 1987). Menurut Wahab et al. (2016), semantik kognitif merupakan bidang yang menitikberatkan pengkajian tentang struktur konsepsi dan proses pengkonsepsian dalam minda manusia. Dalam kajian ini, pendekatan semantik kognitif yang menekankan pengalaman, sistem konsepsi dan struktur semantik

diterapkan dalam menganalisis data simpulan bahasa Cina, dan menggunakan satu mekanisme analisis, yaitu skema imej.

1.5.4 Skema Imej

Lakoff (1987) mendefinisikan skema imej sebagai satu pengetahuan yang mengatur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang kali dalam satu pola ayat. Menurut Sarudin dan Jalaluddin (2017), “skema imej ialah perihalan semula pengalaman persepsi bagi tujuan memetakan struktur ruang ke atas struktur konsepsi”. Skema imej merupakan satu konsep yang distruktur dengan berdasarkan pengalaman dan orientasi tubuh badan atau aspek badaniah. Terdapat beberapa skema imej yang merupakan sifat neutral, iaitu skema bekas, skema sumber-laluan-matlamat, skema keseluruhan-sebahagian, skema pusat-pinggiran, dan skema penghubung. Skema imej dalam kajian ini dapat menunjukkan satu skema pengetahuan yang menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku dalam satu pola ayat dengan berulang kali. Skema imej juga dapat menjadikan satu bentuk abstrak atau konkrit. Terdapat beberapa jenis skema imej yang digunakan dalam analisis data mengikut kesesuaian kajian ini seperti skema imej atas-bawah, skema imej sumber-laluan-matlamat dan skema imej hadapan-belakang. Skema imej yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini berdasarkan kesesuaian analisis data simpulan bahasa Cina yang diperoleh.

1.5.5 Motivasi

Motivasi dapat diklasifikasikan menjadi dua jenis, iaitu motivasi instrinsik dan motivasi ekstrinsik (Emda, 2017). Menurut Emda (2017), motivasi instrinsik ialah seseorang akan mendorong diri sendiri untuk melakukan sesuatu tindakan, manakala motivasi ekstrinsik ialah orang dari luar individu mendorongnya untuk melakukan sesuatu tindakan. Simpulan

bahasa Cina dalam aspek motivasi dapat menggalakkan seseorang berusaha untuk mencapai sesuatu matlamat atau matlamat yang lebih tinggi. Simpulan bahasa berkaitan motivasi dijadikan data kajian ini kerana simpulan bahasa seumpama ini digunakan oleh masyarakat Cina dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini, motivasi dapat menggalakkan masyarakat Cina mempunyai semangat berusaha untuk memperkembangkan keupayaan individu dan meningkatkan taraf hidup sendiri, di samping dapat menunjukkan budaya dan cara hidup masyarakat Cina.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah untuk mendokumentasi dan memelihara pengetahuan tentang simpulan bahasa Cina. Hal ini disebabkan simpulan bahasa Cina jarang digunakan oleh masyarakat Cina dalam kehidupan seharian. Tay (2016) menyatakan bahawa para remaja jarang menggunakan peribahasa dan simpulan bahasa dan kurang menyedari kewujudannya. Jadi, golongan remaja kurang memahami makna simpulan bahasa Cina dengan jelas. Melalui kajian ini, pengkaji meyakini bahawa simpulan bahasa Cina dapat terus dikekalkan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Cina. Penelitian simpulan bahasa Cina berlandaskan pendekatan semantik kognitif dapat membantu pengkaji menjelaskan aspek pemaknaan bahasa kiasan, khususnya simpulan bahasa dengan lebih berpada dan sistematik melalui pendekatan semantik kognitif, iaitu mekanisme skema imej.

Selain itu, kajian ini dapat disebarkan dan dikongsi secara ilmiah dengan pihak guru bagi membantu perancangan pendidikan dalam pengajaran bahasa Mandarin, seterusnya mengatur strategi pengajaran tentang simpulan bahasa Cina. Guru-guru boleh menggunakan gambaran untuk menerangkan simpulan bahasa Cina kepada pelajar, sama seperti mekanisme skema imej yang diaplikasi dalam kajian ini. Cara ini juga membantu pelajar lebih memahami

makna simpulan bahasa Cina serta menggunakannya dalam penulisan dengan penggunaan yang tepat. Kajian Tay (2016) juga menyatakan bahawa penggunaan simpulan bahasa amat digalakkan dalam sesuatu hasil penulisan, di samping menjadikannya lebih menarik kerana keindahan dan kehalusan bahasa kiasan yang dipaparkan. Hal ini juga dapat meningkatkan minat dan pengetahuan dalam kalangan generasi muda untuk mempelajari simpulan bahasa Cina. Oleh itu, kajian ini mengkaji simpulan bahasa Cina yang bertemakan motivasi melalui skema imej dalam bidang semantik kognitif. Dengan ini, pengkaji juga dapat mengetengahkan penggunaan simpulan bahasa Cina dalam komunikasi seharian.

1.7 Rumusan

Secara keseluruhan, Bab 1 membincangkan latar belakang kajian, tujuan dan objektif kajian, definisi istilah, dan permasalahan kajian yang berkait dengan simpulan bahasa Cina bertemakan motivasi. Bab 1 juga dapat memberikan gambaran berkaitan latar belakang kajian dan kepentingan kajian ini dijalankan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan kajian-kajian lepas berkaitan simpulan bahasa Cina. Perbincangan kajian-kajian lepas ini melibatkan jenis data, skop kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data, dapatan kajian, serta ulasan kritis.

2.2 Kajian Simpulan Bahasa dan Peribahasa Cina

Kajian bandingan idiom bahasa Indonesia dan idiom bahasa Mandarin didapati telah dikaji oleh Lidong et al. (2019). Objektif kajian tersebut adalah untuk membandingkan persamaan dan perbezaan idiom bahasa Indonesia dan bahasa Mandarin yang berasaskan nama *shio*. Kajian Lidong et al. (2019) berbentuk deskriptif secara kontrastif serta menggunakan kamus dan media sosial untuk pengumpulan data kajian. Dapatan kajian tersebut menunjukkan terdapat 91 idiom dalam bahasa Mandarin dan 115 idiom dalam bahasa Indonesia yang berasaskan nama *shio*. Terdapat 8 idiom merupakan satuan lingualnya berpadanan dan maknanya sama, tidak ada idiom mempunyai satuan lingual berpadanan tapi maknanya tidak sama, 53 idiom mempunyai satuan lingualnya tidak berpadanan tetapi maknanya sama, dan 59 idiom merupakan satuan lingual tidak berpadanan dan maknanya juga tidak sama. Dapatan kajian tersebut membuktikan terdapat perbezaan dan persamaan antara idiom dalam dua bahasa tersebut. Menurut Lidong et al. (2019), para pelajar BIPA Tiongkok perlu mengetahui idiom tersebut supaya dapat menambah pengetahuan serta meningkatkan minat mereka untuk mempelajarinya. Kajian tersebut menunjukkan hasil

hubungan idiom yang erat dalam bahasa Indonesia dan bahasa Mandarin yang berasaskan nama *shio* seperti data kuda hitam (*lhei ma*).

Veronica dan Chandra (2020) pula mengenal pasti makna idiomatik, fungsi sintaksis dan fungsi dari penggunaan 成语 *chéng yǔ* dalam kehidupan sehari-hari. Reka bentuk kajian yang digunakan oleh Veronica dan Chandra (2020) ialah kualitatif deskriptif. Sumber data dalam penelitian kajian tersebut ialah buku 成语故事 *chéng yǔ gù shi* karya Zhang Xing Dong, terbitan 内蒙古人民出版社 *nèi měng gǔ rén mín chū bǎn shè* (2009). Pengumpulan data dalam kajian tersebut menggunakan kad data untuk mempermudah pengidentifikasian data, manakala analisis data yang berunsur alam menggunakan teknik pilah unsur penentu (PUP). Berdasarkan kajian Veronica dan Chandra (2020), terdapat 12 成语 *chéng yǔ* memiliki makna idiom penuh yang berfungsi sebagai nasihat, antaranya 杯水车薪 *bēi shuǐ chē xīn*, iaitu “kuasa yang terlalu sedikit maka tidak berguna”, 逼上梁山 *bī shàng liáng shān*, iaitu “terpaksa untuk menentang atau mengambil tindakan”, 沧海桑田 *cāng hǎi sāng tián*, iaitu “dunia ini telah banyak berubah”, dan 乘风破浪 *chéng fēng pò làng* yang bermaksud “tidak takut kepada kesusahan dan bahaya, untuk mara ke hadapan dengan berani dan juga menggambarkan perkembangan pesat sesuatu”. Terdapat satu 成语 *chéng yǔ* dalam kajian Veronica dan Chandra (2020) memiliki makna idiom sebahagian yang berfungsi sebagai nasihat, iaitu 背水一战 *bèi shuǐ yī zhàn*, yang bermaksud “berada dalam keadaan terdesak, berjuang mati-matian untuk mencari jalan keluar”, lima 成语 *chéng yǔ* memiliki makna idiom penuh yang berfungsi sebagai sindiran dan tiga 成语 *chéng yǔ* memiliki makna idiom penuh yang berfungsi sebagai pujian. Dari sudut analisis fungsi sintaksis dan fungsi penggunaan, dapatan menunjukkan *chengyu* 乘风破浪 *chéng fēng pò làng* dalam makna semantik merujuk kepada menaiki angin memecahkan ombak, manakala makna idiomatis

adalah sangat berambisi dan maju tidakgentar. 成语 *chéng yǔ* ini berfungsi sebagai predikat (谓语 *wèi yǔ*) dan juga sebagai nasihat. Kajian tersebut mendapati bahawa 成语 *chéng yǔ* memiliki makna idiom penuh dan semua unsur pembentuknya tidak mencerminkan makna idiomatiknya.

Kajian makna unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina pula didapati telah dikaji oleh Tay (2016). Objektif kajian Tay (2016) adalah untuk mengenal pasti jenis warna yang kerap digunakan dalam simpulan bahasa Cina, mengkaji unsur warna dari segi perubahan makna dan melihat bagaimana unsur warna mencerminkan budaya Cina. Kajian Tay (2016) berbentuk kajian perpustakaan dan kajian teks. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian tersebut ialah kaedah kualitatif dan pengertian kata dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu makna asal (本义 *ben yi*), peluasan makna (引申义 *yin shen yi*) dan makna metafora (比喻义 *bi yu yi*). Kamus yang dipilih oleh Tay (2016) ialah 成语通检词典 (*cheng yu tong jian ci dian*) dan 新华成语词典 (*xin hua cheng yu ci dian*). Dapatan kajian Tay (2016) menunjukkan sebanyak 13 jenis unsur warna telah digunakan dalam simpulan bahasa Cina, dengan 5 jenis warna yang mempunyai kekerapan yang tinggi, iaitu putih, emas, kuning, hijau, dan merah. Penggunaan unsur-unsur warna dalam kajian tersebut tidak merujuk secara langsung kepada warna, misalnya simpulan bahasa Cina 白衣秀士 (*bai yi xiu shi*) yang bermaksud “pelajar biasa yang masih belum menjadi pegawai kerajaan”. Perkataan 白 (*bai*), iaitu warna putih yang melambangkan kemiskinan dan rakyat biasa dihadkan untuk memakai baju putih pada zaman dahulu. Selain itu, simpulan bahasa 拖紫垂青 (*tuo zi chui qing*) melambangkan satu reben yang berwarna hijau dan diikat oleh pegawai pada zaman dahulu. Kedua-dua simpulan bahasa tersebut membuktikan bahawa perkembangan masyarakat telah menyebabkan perubahan terhadap maksud yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina.

Kajian perbandingan makna metafora tumbuhan dalam peribahasa Mandarin dan Indonesia dikaji oleh Thamrin dan Suhardi (2020). Kajian tersebut bertujuan untuk meneliti nama tumbuhan yang digunakan dalam peribahasa Mandarin dengan peribahasa Indonesia serta interpretasi dari metafora tumbuhan yang digunakan dalam peribahasa Mandarin dan peribahasa Indonesia. Reka bentuk kajian Thamrin dan Suhardi (2020) ialah deskriptif kualitatif. Data kajian tersebut diperoleh daripada kamus bahasa Cina dan kamus peribahasa Indonesia, dan dikelaskan berdasarkan jenis tanaman. Dapatan kajian Thamrin dan Suhardi (2020) menunjukkan wujudnya persamaan metafora dan kognisi tumbuhan yang hanya ada dalam bahasa Mandarin, iaitu “bunga lily”, yang disebut sebagai “*百合花 bǎi hé huā*”. Kosa kata “*百 bǎi*” dan “*合 hé*” yang bermakna “membentuk sesuatu dengan sempurna” seperti simpulan bahasa “*百年好合 bǎi nián hǎo hé*” dan “*百事合意 bǎi shì hé yì*” yang bererti “hidup harmonis selamanya dan semua masalah dapat sesuai dengan keinginan kita”. Metafora dan kognisi tumbuhan yang hanya ada dalam perumpamaan bahasa Indonesia pula ialah “*天上掉馅饼 tiān shàng diào xiàn bǐng*” orang yang mendapat rezeki, dan “*一朝被蛇咬, 十年怕井绳 yī zhāo bèi shé yǎo, shí nián pà jǐng shéng*” yang bererti “orang tidak akan mengalami kesalahan untuk kedua kalinya”. Metafora dan kognisi tumbuhan yang hanya ada dalam peribahasa bahasa Mandarin ialah “*寿兰兮秋菊, 长无绝兮终古 shòu lán xī qiū jú, zhǎng wú jué xī zhōng gǔ*”, iaitu “orkid pada musim bunga, dan kekwa pada musim luruh.”, “*朝饮木兰之堕露兮, 夕餐秋菊之落英 cháo yǐn mù lán zhī duò lù xī, xī cān qiū jú zhī luò yīng*”, iaitu “untuk memuji kekwa, atau untuk menyerap nutrien daripada karya sastera”. Menerusi kajian tersebut, dinyatakan bahawa penyair sering menggunakan bunga kekwa untuk mengumpamakan orang yang selalu mengejar kedudukan yang lebih tinggi lagi. Kesimpulannya, metafora dan kognitif tumbuhan dalam peribahasa Mandarin dan bahasa

Indonesia memiliki ciri khas tersendiri kerana iklim kedua-dua negara sangat berbeza. Walaupun kedua-dua negara memiliki suhu serta cuaca yang berbeza, namun terdapat beberapa jenis tumbuhan yang memiliki persamaan penggunaan mahupun persamaan makna (Thamrin & Suhardi, 2020).

Kajian Yu (2019) pula mengenai strategi terjemahan simpulan bahasa Inggeris dalam bahasa Cina. Objektif kajian Yu (2019) adalah untuk mengklasifikasikan kategori budaya daripada simpulan bahasa yang dipilih, mengetahui jenis strategi terjemahan dalam simpulan bahasa dan mengetahui perbezaan antara asal usul simpulan bahasa Inggeris dengan simpulan bahasa Cina yang setara. Reka bentuk kajian Yu (2019) ialah kaedah kualitatif dan data dikumpul daripada *Oxford Idioms Dictionary* menerusi *convenience sampling*. Penganalisisan data dalam kajian melibatkan 140 ayat yang dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu perbincangan mengenai kategori budaya, strategi terjemahan dan perbezaan antara asal usul simpulan bahasa Inggeris dengan simpulan bahasa Cina yang setara. Dapatan daripada kategori budaya dalam kajian Yu (2019) menunjukkan terdapat sebanyak 19 data simpulan bahasa Inggeris mengandungi ekologi, misalnya *cats*, *bay tree* dan *lightning*. Terdapat 24 data simpulan bahasa Inggeris berkaitan budaya kebendaan ditemui, seperti *chain*, *wool*, dan *meat*. Simpulan bahasa Inggeris yang berkaitan budaya sosial menunjukkan 43 data, seperti *card-playing*, *past social custom*, dan *boxing*. Terdapat simpulan bahasa Inggeris yang berkaitan budaya agama, iaitu sebanyak 19 data merupakan asal usul simpulan bahasa dari *Bible* dan sebanyak 35 data simpulan bahasa Inggeris berkaitan budaya linguistik. Dapatan juga menemukan beberapa strategi terjemahan, misalnya terjemahan mengikut parafrasa, terjemahan menggunakan ungkapan makna yang serupa tetapi bentuk yang tidak sama, dan terjemahan menggunakan makna dan bentuk yang serupa. Terdapat juga strategi lain yang digunakan oleh pengkaji, iaitu “*literal translation*” dan “*using two idioms of similar meaning*”